



# Yang Indah Itu Bahasa

RUANGAN KELOAAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SARAWAK



Literasi Tinta

Berminat untuk menulis, sila hubungi Editor YIIB di talian 082-227000, atau e-melkan kepada [sfaiqah@dbp.gov.my](mailto:sfaiqah@dbp.gov.my) dan penerbitan.dbpsar@dbp.gov.my

## Kesantunan Bahasa: Antara Kelajuan Zaman dengan Kehalusan Pekerti

Oleh: Nur Farah Ardilla Abdul Rahman, Muhammad Qhidir Mat Isa

"BAHASA JIWA BANGSA" merupakan slogan yang cukup biasa didengar, sekali gus sinonim dengan kehidupan kita sejak dari bangku sekolah lagi. Tentunya, sebagai rakyat Malaysia, sejak di prasekolah lagi kita telah dididik untuk mendukung dan memberi keutamaan terhadap keluhuran bahasa kebangsaan, iaitu Bahasa Melayu, dalam kehidupan kita.

Seiring kemajuan dalam pembangunan bidang teknologi masa kini yang berkembang dengan amat pesat, didapati berlaku perubahan ketara dalam cara dan gaya berinteraksi antara manusia. Umum menyedari akan perubahan kaedah komunikasi yang dulunya secara bersemuka telah berinovasi kepada interaksi secara maya. Namun, timbul persoalan, bagaimanakah kualiti bahasa sama ada dari aspek tata-bahasa atau susunan ayat yang digunakan semasa berkomunikasi di laman sosial?

Berkomunikasi merupakan aktiviti rutin saban hari, yang merujuk kepada penyampaian maklumat melalui pergaulan antara satu sama lain tidak kira di mana-mana pun kita berada. Namun, dengan era kepesatan dan perubahan teknologi, cara berkomunikasi telah berubah kepada komunikasi secara maya. Hal ini demikian kerana, kaedah komunikasi ini lebih pantas dalam menghubungkan individu yang tinggal berjarahan antara satu sama lain. Misalnya, ada ahli keluarga yang menyambung pelajaran ke luar negara, sahabat karib yang sedang bercuti di negara jiran atau temu duga kerja yang dijalankan secara dalam talian. Jelas sekali, perkembangan teknologi ini membuktikan bahawa inovasi komunikasi sentiasa rancak berkembang dengan pelbagai jenis alat komunikasi yang wujud pada masa kini seperti telefon pintar, e-mel, media sosial seperti Facebook, Instagram, aplikasi seperti Telegram dan WhatsApp yang berkembang daripada teknologi terdahulu seperti radio (Tuan Nurizan, 2006). Platform komunikasi ini telah menjadi kemestian selain daripada untuk berkomunikasi, menunjukkan ekspresi diri, membina identiti, serta menyampaikan pemikiran, emosi yang dirasakan dan keperibadian (Rusli, 2024). Apa pun tujuan yang ingin disampaikan, ia amat tergantung kepada proses pemilihan perkataan, frasa atau nada yang digunakan. Kesemua ini perlu diolah, dicawan dan dipilih dengan teliti untuk menunjukkan aspek terpenting dalam komunikasi, iaitu kesantunan berbahasa.

Namun, pernahkah anda terfikir, bagaimanakah penggunaan bahasa atau kesantunan bahasa yang digunakan dalam pergaulan di alam maya? Adakah penggunaannya secara formal atau tidak formal? Adakah perkataan atau susunan ayat yang gramatis masih dititikberatkan? Adakah perkataan atau istilah yang digunakan lebih mudah difahami? Menurut Maslida Yusof dan Karim Harun (2015), proses komunikasi ini

Aspek kesantunan bukan sahaja penting dalam perlakuan tingkah laku yang sopan, namun juga amat dititikberatkan ketika berkomunikasi. Kesantunan bahasa merujuk kepada penggunaan bahasa atau perkataan yang sopan, indah dan halus. Seperti yang telah dijelaskan oleh Awang Sariyan (2007), kesantunan sama ertinya dengan santun, sopan, beradab, memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang berkomunikasi dengan kita. Yang paling penting, kata-kata yang dipilih juga tidak mengandungi maksud sindiran atau ejekan yang boleh menyinggung perasaan orang lain."

bukan sahaja melibatkan penggunaan bahasa lisan dan tulisan, tetapi turut melibatkan penggunaan bahasa badan, gaya dan tingkah laku yang dapat memberikan makna dalam proses penyampaian mesej. Pandangan ahli linguistik itu merujuk kepada perbezaan ketara antara proses komunikasi bersemuka dengan komunikasi secara maya. Umum mengetahui, komunikasi secara maya bergantung sepenuhnya pada penggunaan bahasa lisan dan tulisan. Hal ini membawa kepada masalah utama yang sering muncul dalam kalangan warganet, iaitu mesej dan maklumat yang diproses tidak disampaikan dalam bentuk seratus peratus sah.

**Kesantunan Berbahasa dalam Komunikasi**  
Aspek kesantunan bukan sahaja penting dalam perlakuan tingkah laku yang sopan, namun juga amat dititikberatkan ketika berkomunikasi. Kesantunan bahasa merujuk kepada penggunaan bahasa atau perkataan yang sopan, indah dan halus. Seperti yang telah dijelaskan oleh Awang Sariyan (2007), kesantunan sama ertinya dengan santun, sopan, beradab, memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang berkomunikasi dengan kita. Yang paling penting, kata-kata yang dipilih juga tidak mengandungi maksud sindiran atau ejekan yang boleh menyinggung perasaan orang lain.

Berhubungan dengan itu juga, bahasa yang santun dan berfatasusila amat menggambarkan nilai kesantunan seseorang. Pandangan tokoh bahasa tentang kesantunan bahasa telah lama dibicarakan. Antaranya oleh Amat Juhari Moin (1989) yang menyatakan bahawa, kesantunan berbahasa ialah penggunaan bahasa seharian yang tidak menimbulkan kegusaran, kemarahan serta rasa tersinggung daripada pendengar.

**Ketidaksantunan Bahasa dalam Laman Sosial**  
Sedar atau tidak, hakikatnya, kesantunan berbahasa telah pun kita amalkan dalam komunikasi sejak kecil lagi. Namun, lantaran pengaruh negatif media sosial, kebalakangan ini terdapat fenomena atau trend semasa yang mempengaruhi kesantunan

bahasa dalam kalangan masyarakat, terutamanya dalam kalangan generasi muda.

Menyentuh isu ini, ahli akademik seperti Ahmad et al., (2016) berbanding, kesantunan berbahasa sebenarnya merangkumi variasi bahasa yang sangat luas, iaitu masyarakat kesantunan dalam bahasa Melayu standard, bahasa slang mahupun dialek masing-masing termasuklah dalam konteks penggunaan bahasa dalam media sosial. Akan tetapi, di media sosial, cabaran utama kaedah komunikasi secara digital ialah ketiadaan nada suara dan hubungan tidak langsung yang membantu dalam menyampaikan emosi dan maksud yang lebih jelas kepada pendengar. Ini sering kali menimbulkan salah faham antara pihak yang berhubung. Untuk memenuhi keperluan tersebut, para warganet menggunakan emotikon dan tanda baca untuk menggantikan ekspresi wajah. Menurut Choong (2025), sering kali juga penggunaan emotikon yang berlebihan atau tidak sesuai dengan konteks hantaran menyebabkan persengketaan timbul antara warga maya.

Dalam kalangan generasi muda, kecenderungan melontarkan kata-kata jelic dan negatif ketika membicarakan sesuatu isu didapati amat ketara dalam laman Facebook atau X (Maslida Yusof dan Karim Harun, 2015). Perkara sebegini mudah berlaku kerana perhubungan melalui media sosial membolehkan komen dan hantaran ditinggalkan dan dibaca menjangkau waktu dan tempat. Kecenderungan negatif ini bertambah parah apabila media sosial menjadi pilihan masyarakat kini untuk berkomunikasi. Di Malaysia, media sosial merupakan saluran yang mudah diakses oleh semua peringkat umur dan bebas digunakan. Komuniti maya daripada pelbagai latar belakang ini menjadikan media sosial sebagai tempat meluahkan isi hati dan pendapat. Yang paling ketara ialah komen-komen warganet didapati semakin berani mengkritik dan mempermainkan sentimen yang disebut 3R – Raja, Kaum dan Agama.

Kajian Jeffrey et al. (2023) mendapati bahawa, penghinaan melalui gelaran ialah ciri yang amat ketara bagi ketidaksantunan bahasa di media sosial.

Salah satu contoh yang ditemukan ialah "Sebenarnya bukanlah sb politik dhg, cuma yg sekor itu dh banyak sangt dosa yang dilakukan dan takde jalan lain melainkan mempertahankan perbuatannya. Kalau tak, dia akan duduk dalam kandang besi seumur hidup...".

Didapati, warganet gemar mengantikan gelaran untuk ahli politik dengan kata nama diri yang tidak sesuai malah tidak senonoh. Dari segi kesantunan bahasa, nyata sekali ketelakan ini perlu dibendung segera agar laman media sosial tidak menjadi tempat masyarakat menyakitkan hati antara satu dengan yang lain. Saranan ini sama sebagaimana disebutkan Ahmad et al. (2016), iaitu kesantunan perlulah dikekalkan dalam proses berhubung agar dapat membantu mengelakkan konflik daripada berlaku, lebih-lebih lagi dalam kalangan anggota masyarakat.

Selain itu, tinjauan kajian Ahmad et al. (2016) mendapati budaya kesantunan bahasa juga terjejas lantaran daripada penggunaan bahasa ringkas, singkatan atau campuran bahasa (bahasa rojak) seperti bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Kajian yang sama berpandangan, fenomena ini berlaku kerana komunikasi di laman sosial menekankan kepada aspek kepanantasan dan hubungan tidak formal. Kecenderungan yang semakin ketara ini dikuatirinya menjejaskan usaha murni agensi seperti Dewan Bahasa dan Pustaka untuk memartabatkan bahasa Melayu yang baik dalam kalangan masyarakat. Kebimbangan di sini ialah, pertembungan antara dunia digital yang semakin berkembang pesat akan menimbulkan kesukaran untuk mengawal evolusi bahasa yang berlaku secara organik.

Kajian yang sama turut bersetuju bahawa, dalam lapisan umur komuniti pengguna bahasa Melayu, kelompok yang paling ketara menggunakan bahasa rojak. Ungkapan seperti "Kau dh siap kerja homework ke?", "malasia nak pergi shopping" atau "I don't want lah" dalam komunikasi WhatsApp dan Instagram amat ketara. Dapatan kajian tersebut menyimpulkan bahawa, kemudahan komunikasi, pemahaman yang cepat, menjadi faktor penting penggunaan bahasa rojak. Akan tetapi, sebahagian responden turut bersetuju bahawa penggunaan bahasa yang tidak formal ini boleh menyebabkan salah faham, terutamanya ketika berkomunikasi dengan penyuarah atau generasi yang lebih tua.

Daripada beberapa penelitian di atas, kita sedar bahawa ketidaksantunan merupakan gejala yang semakin membarah terutama dalam kalangan generasi muda. Mereka cenderung menggunakan sajian yang jelic dengan tujuan menghinakan selain menggunakan bahasa rojak yang sering menimbulkan salah faham. Pun begitu, daripada kajian tentang kesantunan, kita perlu sedar bahawa, kesantunan bahasa tidak boleh lari daripada mempengaruhi gaya hidup. Kehidupan generasi pada

masa kini yang sentiasa mendesak kepada kelajuan mengorbankan kesantunan yang selama ini diajar semenjak kecil.

### Data Empirikal dan Statistik

Tahap kesantunan berbahasa dalam kalangan pengguna media sosial yang semakin berkembang dapat dibuktikan melalui beberapa data empirikal dan statistik yang dikeluarkan oleh beberapa pihak sebagai bahan pemerhatian. Suruhannya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melaporkan bahawa kandungan yang termasuk dalam kategori memudahkan di media sosial serta platform *over-the-top* (OTT) diturunkan sebanyak 27.115 kandungan berbanding 35,490 kandungan sepanjang 2023.

Jenis kandungan memudahkan termasuklah ucapan berbau kebencian, terutamanya apabila menyentuh isu agama, raja serta kaum (3R), penipuan secara dalam talian, penyalakan haraman, pertiduran dan penyebaran berita palsu. Sejak Januari 2023 hingga Mac lalu, sejumlah 2,004 kandungan yang mengandungi ucapan yang berunsur kebencian mencetuskan keganasan yang akan menyebabkan rusuhan. Jelaslah bahawa media sosial bukan sahaja membawa pelbagai manfaat dan kemudahan, malah berpotensi menjadi alat berbahaya yang secara tidak sedar boleh mengancam keselamatan dan kesejahteraan masyarakat.

Kajian Nur Anis dan Sa'adiah (2014) yang berfokuskan data kekerapan penggunaan bahasa kasar di ruangan komen akaib *Sinar Harian* dalam aplikasi Facebook dari bulan Mei hingga Jun 2024 mendapati bahawa 12 bahasa kasar yang mempunyai unsur nama haiwan atau binatang digunakan untuk menyampaian unsur kebencian atau kutukan. Misalnya, 'anjing', 'babi', 'beruk', 'keldai' dan sebagainya. Sebanyak 24.3% perkataan 'babi' digunakan oleh warganet dan angka ini menunjukkan peratus yang paling tinggi.

Menurut Mohammad Harun dan Ramli (2023), penggunaan kata 'babi' dalam percakapan sememangnya dianggap tidak santun kerana 'babi' merupakan haiwan yang dikelaskan sebagai najis dan haram dimakan oleh umat Islam. Perkara ini menunjukkan penggunaan perkataan 'babi' memang biasa digunakan oleh individu yang berada dalam keadaan marah, sekali gus boleh mengugris hati individu yang membaca atau mendengarnya. Peratus kedua tertinggi ialah perkataan 'anjing' dan 'beruk', bersamaan 14.7 peratus. Perkataan-perkataan ini akan menjadi isu sekiranya disalahgunakan, misalnya apabila pengguna memberikan perlambanan terhadap individu yang ditentang bercakap serupa atau dibentangkan sif yang sama dengan haiwan-haiwan tersebut.

**Kesimpulan**  
Kesimpulannya, kita tentunya tidak dapat menolak asakan perkembangan

teknologi komunikasi yang semakin pesat. Akan tetapi, penentuan sama ada kecanggihan teknologi memberikan kelebihan atau bujukan kepada kita sebagai pengguna teknologi tersebut. Berdasarkan kajian bahasa, ketidaksantunan dalam kalangan generasi muda amat ketara dengan penggunaan kata panggilan, kata gelaran dan ujaran yang jelic. Dalam pada masa yang sama, fenomena bahasa rojak yang sering dikritik oleh ahli-ahli bahasa perlu diberikan perhatian.

### Rujukan

Amat Juhari Moin, 1989. *Sistem dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
Ahmad, A. A., Yahya, M. A., Hashim, N., dan Mahmor, N. A. "Kesantunan Bahasa Semasa Berkomunikasi di Laman Sosial" dlm. *Proceeding of the International Conference on Government and Public Affair 2016*.  
Shui Shiew Choong. "Kesantunan Berbahasa dalam Komunikasi Era Digital" dlm. *Dewan Bahasa, Mac 2025*. <https://dewanbahasa.jendeladp.my/2025/03/26/17554/>  
Awang Sariyan, 2007. *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
Tuan Nurizan Raja Yunus. "Komunikasi dan Sastera" dlm. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 5:1, hlm. 109-124, 2006. <file:///C:/Users/User/Down>

### hujan cuma sebentar

(selepas Rahsia Tuhan – Noh Salleh)

biar teduh dulu  
jangan kau bimbangkau  
hujan cuma sebentar

setelah musim ini menawarkan perpindahan paling dingin:—  
biarkanlah ia tetap bermeakar,  
berputik sebagai ingatan paling sunyi  
biarkanlah ia ditangisi sang penghuni langit dan bumi  
biarkanlah dunia berputar  
dan rindu bergetar, dalam keheningan  
yang mengukuh jiwa dalam segala ketetapan-Nya  
dosa-dosa menjadi pemberat di neraca,  
yang perlu ditebus hidup  
didapati daripada catatan sepanjang timur dan barat  
kau rindu yang gugur dalam berat jiwa  
angin berlalu membawaku ke ufuk renjantau  
dalam sunyi-sunyian, terbitkanlah teja  
pertama itu, dari bayangnmu  
sebelum mimpi semesta membebu  
dan bunuhlah batinku dengan bisa rancumu  
telanlah aku dalam gravitasimu  
seperti selautan itu hanya setitis  
kejujuran bertakung di antara dua anak matamu  
kau puisi dilaguku, Hawa di sulbi talungku  
gemuruh cuma sebentar, kekasih,  
dalam tengkujuhmu kutiup roh itu.

Angelo Taj  
Limbang, Sarawak

### Kata Hari Ini

lailatulqadar [laj.lai.tul.qa.dar]

Satu malam daripada sepuluh malam terakhir bulan Ramadan mengikut pendapat sebahagian ulama, dan jika seseorang melakukan amal ibadat pada malam itu, ganjaran pahalanya jauh lebih besar daripada ganjaran ibadat seribu bulan dan malam ini juga permulaan turnunya al-Quran.

Rujukan: *Kamus Dewan Perdana* (DBP, 2020)